



## **TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA**

**MAJLIS SAMBUTAN HARI KANAK-KANAK PERINGKAT  
KEBANGSAAN TAHUN 2023**

**HOLIDAY VILLA, JOHOR BAHRU  
20 NOVEMBER 2023 (ISNIN) | 10.00 PAGI**

*Kemas kini 19 November 2023*

Bismillahir Rahmanir Rahim

Terima kasih kepada Pengacara Majlis,  
Adik Erin Natasya binti Zawawi (SMK Taman Molek, Johor) dan  
Encik Richard Chai.

Terima kasih kepada Adik Syed Hud bin Syed Mustaffa  
(SK Taman Skudai Baru, Johor) di atas pimpinan bacaan doa  
sebentar tadi.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani

## **(SALUTASI)**

### **LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN**

#### **PENDAHULUAN**

Datuk, Dato', Datin, Puan-puan, Tuan-tuan, dan hadirin yang dihormati serta anak-anak yang diraikan sekalian.

1. Alhamdulillah segala pujian dan syukur ke hadrat Ilahi kerana di bawah rahmatNYA, kita diberi kesempatan untuk hadir dan berkumpul dalam Majlis Sambutan Hari

Kanak-Kanak Kebangsaan 2023 pada pagi ini.

2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan sekalung penghargaan dan terima kasih kepada semua yang dapat bersama-sama hadir ini untuk berkongsi kemeriahan, kegembiraan dan menyaksikan Majlis Sambutan Hari Kanak-kanak Kebangsaan Tahun 2023 pada hari ini.
  
3. Syabas dan tahniah juga saya ucapkan atas usaha murni Jabatan Kebajikan Masyarakat melalui Jabatan

Pembangunan Kanak-Kanak (JPKK) yang telah melaksanakan pelbagai program bersempena Hari Kanak-kanak bermula September yang lalu, antaranya:

- a. **Pertandingan Khalifah Junior** yang telah berlangsung pada di Pusat Latihan Islam Malaysia (ILIM) Bangi;
- b. **Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: KASIH Kanak-Kanak** yang telah berlangsung di dua lokasi iaitu di SK Seri Tasek Cheras dan di SK Malawa Sabah;

- c. **Pertandingan Kemahiran *Junior Skills Challenge***  
bertempat di PLPP Bangi dan RKK Rembau Negeri Sembilan;
- d. **Program Kerja Berpasukan Pemerksaan Majlis Perwakilan Kanak-Kanak (MPKK);**
- e. **Persidangan MPKK 2023**, dan
- f. Kemuncaknya pada hari ini kita bersama dalam **Sambutan Hari Kanak-Kanak Peringkat Kebangsaan 2023** di sini.

4. Sambutan Hari Kanak-Kanak yang diadakan setiap tahun tidak hanya tertumpu kepada majlis sambutan sahaja, bahkan turut membuka ruang dan peluang kepada kanak-kanak di seluruh negara untuk mengambil bahagian dalam pelbagai acara dan pertandingan yang bersesuaian dengan peringkat umur mereka.
  
5. Saya dimaklumkan bahawa seramai hampir 400 kanak-kanak berada di dalam dewan ini, dari seluruh Negara untuk meraikan dan menyambut Hari Kanak-Kanak

Kebangsaan 2023 yang bertemakan “**HAK KAMI MASA DEPAN KAMI**”. Tema ini dipilih sebagai simbolik kepada pengiktirafan Kerajaan terhadap kanak-kanak selaku tunjang harapan dan aspirasi untuk masa depan negara.

6. Kita semua sedar dengan **peningkatan kes kanak-kanak yang menjadi mangsa penderaan dan penganiayaan**. Justeru itu, kita perlu memperkasa kanak-kanak agar mereka berupaya bertindak sekiranya berlaku ancaman terhadap nyawa mereka. Sebagai contoh adik Wildan yang mampu menyelamatkan diri dengan meminta



pertolongan dan jiran tetangga yang cakna dengan keadaan sekeliling mampu bertindak jika terdapat insiden mengancam keselamatan kanak-kanak.

7. **Kes penderaan kanak-kanak bukan sahaja berlaku di rumah, malah ia juga berlaku di TASKA** dan pusat-pusat jagaan kanak-kanak. Untuk itu, **pengusaha dan pengasuh di TASKA juga mempunyai tanggungjawab bagi memastikan tiada berlaku kes penderaan di premis mereka.** Oleh itu, bagi memastikan keselamatan di TASKA berada pada tahap yang tinggi, JKM menjalankan

pemantauan berterusan dengan memperkemas penguatkuasaan, pemasangan CCTV ditempat yang sepatutnya, semua penyelia, pengusaha dan pengasuh hadir dan lulus Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak PERMATA (KAP) dan seterusnya memastikan semua TASKA yang beroperasi berdaftar dan mematuhi piawaian minimum. Penyelia, pengusaha dan pengasuh bertanggungjawab menjaga aspek keselamatan kanak-kanak khususnya di TASKA. Kami juga ingin terapkan sikap kebertanggungjawaban dan kebersamaan ibu bapa

dalam turut menyumbang kepada keselamatan anak mereka di TASKA mahupun pusat jagaan.

8. Di samping isu, tema ini juga merupakan suatu manifestasi **tanggungjawab Kerajaan dan seluruh rakyat di negara ini untuk bersama-sama memperjuangkan kebajikan dan kesejahteraan kehidupan kanak-kanak** pada hari ini dan di masa hadapan.
9. Kementerian merasakan bahawa kemajuan dan kemakmuran negara sudah pasti tidak akan membawa erti

yang sebenarnya sekiranya tiada usaha bagi menangani isu-isu semasa berkaitan dengan kanak-kanak khususnya berkait dengan masa hadapan kehidupan kanak-kanak.

10. Berdasarkan kepada statistik daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (suku kedua tahun 2023, generasi kanak-kanak membentuk hampir 30% daripada populasi negara kita.
11. Menyedari hal ini, maka menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk menyediakan inisiatif berkaitan kanak-kanak yang

memberi fokus kepada **empat (4) Hak Kanak-Kanak sebagaimana Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC)** di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) iaitu aspek kelangsungan hidup (*survival*), pengembangan (*development*), perlindungan (*protection*) dan penyertaan (*participation*) bagi memastikan potensi kanak-kanak terus menyerlah sebagai pewaris negara, agama dan bangsa.

12. Saban hari, kanak-kanak terdedah terhadap pelbagai jenis keganasan terhadap mereka seperti pengabaian, penderaan, pengeksploitasian, atau pemerdagangan. Hal

ini boleh **membantutkan perkembangan kanak-kanak dari segi fizikal, psikologi, kognitif, emosi, sosial, dan rohaniah sekaligus meningkatkan masalah sosial** dalam kalangan kanak-kanak di Malaysia. Selaras dengan teras Malaysia MADANI iaitu KEYAKINAN dan KESEJAHTERAAN, Kerajaan berikrar untuk menjalankan amanah untuk melindungi kanak-kanak dari sebarang bentuk penderaan dan sebagainya dengan mewujudkan persekitaran yang selamat dan terjamin kepada kanak-kanak membesar dan berkembang.

## KANAK-KANAK HARAPAN NEGARA

13. Pada hari ini dunia kita telah berubah sama ada dari gaya dan budaya hidup, teknologi dan lain-lain lagi. **Perubahan ini turut memberi impak besar kepada masyarakat termasuklah kepada golongan kanak-kanak** terutamanya dalam aspek kelangsungan pendidikan, akses kepada kesihatan dan psikososial, keselamatan dan sebagainya.

14. **Perkembangan teknologi** pada masa kini telah menyebabkan kanak-kanak terdedah kepada akses internet dan laman sosial sejak kecil serta berinteraksi secara *online* berbanding di alam nyata. Situasi ini boleh menyebabkan **wujudnya jurang komunikasi antara sesama ahli keluarga dan boleh menyebabkan hubungan kekeluargaan menjadi longgar.**
15. Hal ini menjadi cabaran besar kepada ibu bapa dalam mendidik anak-anak. Oleh yang demikian, anak-anak ini perlu dibentuk dengan acuan yang betul untuk



memastikan nilai dan budaya tetap terpelihara serta jurang generasi dapat dirapatkan. **Bagaimana acuan, begitulah kuihnya.** Acuan ini perlu berteraskan nilai HORMAT dalam institusi kekeluargaan yang prihatin dan berkasih sayang dalam semua lapisan masyarakat. Nilai kekeluargaan ini juga termasuk rasa tanggungjawab diiringi dengan sifat meraikan persamaan dan menghormati perbezaan dalam kepelbagaian, merentasi fahaman politik, kaum dan agama supaya kita dapat membina Malaysia yang maju dan berdaulat. **Ibarat**

**melentur buluh biarlah dari rebung**, peranan generasi muda hari ini harus diangkat dan diperkasa, kerana mereka ini bakal mencorakkan hala tuju negara.

16. **Kerjasama komuniti tempatan, agensi kerajaan dan bukan kerajaan dalam meningkatkan akses kepada pendidikan, penjagaan kesihatan dan perkhidmatan penting lain untuk kanak-kanak** boleh dilakukan dengan cara menyediakan sumber dan sokongan untuk keluarga yang memerlukan, serta menyokong dasar yang mengutamakan keperluan

dan hak kanak-kanak. Kanak-kanak mempunyai hak untuk dilayan dengan maruah, hormat, dan kasih sayang.

17. Justeru itu, **semua inisiatif yang dilaksanakan ke atas kanak-kanak pada hari ini merupakan satu pelaburan utama dan penting dalam segala aspek kehidupan yang memberi impak pada masa hadapan.**

## **ANUGERAH PINGAT HANG TUAH DAN ANUGERAH GEMILANG KANAK-KANAK**

18. Bagi mengiktiraf dan menghargai sumbangan kanak-kanak dalam pembangunan negara, KPWKM melalui JKM meneruskan tradisi penganugerahan **Pingat Hang Tuah, Anugerah Gemilang Sukan, Anugerah Gemilang Kebudayaan dan Kesenian** dan **Anugerah Gemilang OKU (Terbuka)**. Anugerah Pingat Hang Tuah diperkenalkan sejak tahun 1960 bagi mengiktiraf kanak-kanak yang menunjukkan sikap keberanian yang istimewa dan luar biasa lebih-lebih lagi menyelamatkan nyawa insan lain termasuk harta benda. Anugerah Gemilang pula khusus

diberikan kepada kanak-kanak yang telah meraih pencapaian tertinggi dalam bidang kebudayaan dan kesenian, Sukan dan OKU yang mempunyai pencapaian tertinggi dalam bidang kebudayaan dan kesenian, akademik dan sukan.

19. Penerima **Pingat Hang Tuah** akan menerima hadiah sebuah trofi dan wang tunai sebanyak **RM5,000** *{lima ribu ringgit}*, sepersalinan pakaian kebangsaan beserta tengkolok dan sampin songket. Manakala, penerima **Anugerah Gemilang**

masing-masing akan menerima Plak dan wang tunai  
**RM2,000** {*dua ribu ringgit*}

**Saya mengucapkan setinggi-tinggi ucapan syabas dan  
tahniah kepada penerima pingat dan anugerah!**

## MENGHARGAI INISIATIF KERAJAAN JOHOR

20. Kementerian ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Johor yang prihatin dalam isu-isu berkaitan kes melibatkan kanak-kanak.
  
21. Saya menghargai beberapa inisiatif yang baik daripada Kerajaan Negeri Johor dan boleh dijadikan contoh amalan terbaik (*best practices*) kepada negeri lain seperti **Child Support Team, Penarafan Bintang Pusat Jagaan Kanak-Kanak** dan **Modul Lindungi Permata Johor**.

22. Secara ringkasnya Kerajaan Negeri Johor telah memperkenalkan 2 inisiatif:
- a) Program **Penarafan Bintang Pusat Jagaan Kanak-kanak**, bagi meningkatkan kualiti penjagaan dan perkhidmatan yang diberikan oleh Pusat Jagaan Kanak-kanak kepada golongan sasaran iaitu kanak-kanak yang berada di pusat jagaan. Ini menjadi insentif kepada pengusaha untuk mendapat “star rating” yang bagus; dan



- b) **Modul Lindungi Permata Johor** dalam usaha untuk melatih komuniti sebagai ***Child Support Team Johor*** agar dapat menjalankan tanggungjawab yang lebih cekap dan berkesan dalam melindungi kanak-kanak.

Di sini saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana melibatkan semua lapisan komuniti dalam memikul amanah melindungi anak-anak kita. Syabas!

Sidang hadirin yang saya muliakan,

23. Peranan untuk melindungi kanak-kanak bukan terletak pada KPWKM semata-mata tetapi pada kita semua. Dengan itu, besarlah harapan saya supaya **semua warga kerja di setiap agensi berkaitan memainkan peranan dengan penuh komited ke arah kesejahteraan masyarakat dan pembangunan sosial negara khususnya untuk kanak-kanak.**

24. Saya juga berharap bahawa kita lebihkan **Kolaborasi strategik di antara Kerajaan, syarikat swasta melalui Tanggungjawab Sosial Korporat (*Corporate Social Responsibility* - CSR)** dan badan bukan Kerajaan, bagi melaksanakan program terbaik seperti program advokasi atau program pendidikan untuk anak-anak kita.
  
25. Beberapa inisiatif baru yang telah diperkenalkan bagi menangani isu berkaitan kanak-kanak antaranya:

- a. **Penubuhan Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak (JPKK) pada 1 September 2023.** Penubuhan JPKK ini adalah salah satu bukti bahawa kerajaan terus komited dalam menangani segera isu keselamatan dan kebajikan khususnya penderaan dan pengabaian kanak-kanak yang semakin meningkat, seterusnya dapat menjamin perkhidmatan yang berkualiti kepada rakyat khususnya kanak-kanak.
- b. **Menambahbaik Sistem Daftar Pesalah Jenayah Seksual Kanak-Kanak (eDKK)** bagi

mempertingkatkan perlindungan dan keselamatan terhadap kanak-kanak serta mencegah dan mengekang jenayah terhadap kanak-kanak daripada berlaku dan berulang;

- c. Mewujudkan **Garis Panduan Pengurusan Penempatan Kanak-kanak Kepada Ibu Bapa Peliharaan dan Orang Yang Layak dan Sesuai (OYLS)** yang telah dikuatkuasakan pemakaiannya pada 11 Mac 2023.

- d. Pelancaran Buku **Direktori Community Based Organisation (CBO)** di Daerah Sepang sebagai langkah permulaan;
- e. Pelancaran Iantikan **Skuad Waja Insaniah** sebagai **Pembantu Pelindung Kanak-Kanak**;
- f. Mewujudkan **Garis Panduan Pemasangan CCTV di TASKA.**
- g. **Bekerjasama dengan Persatuan Pengasuh Berdaftar di peringkat Kebangsaan dan Negeri;**

- h. **Kerjasama bersama Polis DiRaja Malaysia (PDRM) untuk menambahbaik sistem *vetting*/ tapisan terhadap pengasuh di TASKA; dan**
- i. Meneruskan inisiatif **Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: KASIH Kanak-Kanak** di sekolah-sekolah serta Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK)

## **PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH TERMASUK KANAK-KANAK**

- 26. Oleh yang demikian, saya mengambil kesempatan ini merakamkan **jutaan terima kasih kepada semua yang**

**merupakan agensi utama dalam pembangunan sosial negara khususnya dalam memastikan kesejahteraan dan hak kanak-kanak terpelihara.** Komitmen warga kerja KPWKM sangat dihargai dan teruslah berkhidmat dengan cemerlang.

27. Saya juga percaya, **peranan kanak-kanak dalam Majlis Perwakilan Kanak-Kanak (MPKK) adalah penting dalam memastikan penyampaian maklumat yang efisien kepada kanak-kanak** kerana sudah pasti kanak-kanak lebih



memahami situasi serta isu yang berkaitan dengan diri mereka.

28. **Saya mahu kanak-kanak terus berani bersuara** untuk membantu perkhidmatan awam dalam menggubal undang-undang dan dasar-dasar yang berkaitan dengan kepentingan dan kesejahteraan kanak-kanak seluruh negara.
29. Buat anak-anak Malaysia yang ada di hadapan saya ini, saya menyeru agar **berhati-hati apabila menggunakan**

**gajet.** Guna hanya untuk tujuan pendidikan dan jangan melayari laman sesawang serta media sosial yang tidak memberi manfaat kepada pertumbuhan minda yang sihat dan positif.

30. Syabas, setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada JPKK JKM, Kerajaan Johor khususnya Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor, semua warga JKM, semua agensi dibawah KPWKM serta semua rakan kolaborasi strategik seperti **Yayasan Kebajikan Negara (YKN), Mydin**

**Holding Bhd, The Chicken Rice Shop, Play Unlimited, FOC, Only World Group Holdings Bhd dan AEON CO.(M) Bhd** yang terlibat secara langsung sebagai penyumbang dalam pelbagai bentuk bagi menjayakan penganjuran Sambutan Hari Kanak-Kanak Peringkat Kebangsaan Tahun 2023 ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya ucapkan atas sumbangan anda, kami sangat menghargainya.

31. Akhir sekali, saya saya ingin semua kanak-kanak di sini tahu bahawa semua kanak-kanak mempunyai hak untuk menjalani kehidupan yang baik, hak untuk dilindungi, hak untuk membesar dan belajar, dan hak untuk berkongsi pendapat dan idea mereka, seperti yang disebut dalam Konvensyen Hak Kanak-Kanak (CRC).

Akhir kata dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Majlis Sambutan Hari Kanak-Kanak Kebangsaan 2023.

*Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.*

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI**  
**Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**  
**20 November 2023**